



HARI : JUMAAT
TARIKH : 27/12/2019
M/SURAT : 10A

Pengguna terpaksa beli

Melaka: "Kami terpaksa meletakkan harga sebegini kerana harga yang diperoleh daripada pembekal sudah tinggi," kata peniaga runcit Ban Kwok Ho.

Katanya, walaupun tahu ia agak tinggi tetapi akibat bekalan yang kurang menyebabkan harga bawang naik.

Menurutnya, sejak bulan lalu bekalan bawang merah berkurangan dan ia berterusan sehingga kini sehingga terpaksa menjual dengan harga RM13 sekilogram.

Tinjauan Harian Metro di beberapa kedai runcit, Pasar Besar Transit Bachang serta pasar raya di Melaka Tengah mendapati harga bawang merah yang dijual antara RM9 hingga RM16 sekilogram ber-

gantung kepada negara keluaran.

Berbanding bawang merah dari Thailand dan India, bawang merah dari China dijual lebih murah.

Bagi pengguna, Nor Farhana Yaacob, 34, berkata, jika diikutkan harga yang dijual tidak masuk akal kerana setengah kilogram bawang boleh mencecah RM9 berbanding sebelum ini RM6 untuk sekilogram.

"Walaupun mahal tetapi terpaksa juga beli kerana ia keperluan."

"Diharap garis harga dapat ditetapkan oleh pihak bertanggungjawab supaya tiada yang mengambil kesempatan," katanya.